

# Sabar, reda berdepan musibah serlah keperibadian Muslim

Oleh Khairunneezam Mohd Noor

**M**ENJADI hakikat tiada sesi-  
apapun di dunia ini suka  
berhadapan dengan musibah. Se-  
bagai manusia beriman, segala ke-  
celakaan yang berlaku perlu di-  
hadapi dengan sabar dan perlu  
menganggapnya sebagai ujian.

Ujian diberikan Allah SWT ini  
datang dalam pelbagai cara. Mi-  
salnya, kejadian tsunami di Jepun,  
gempa bumi di New Zealand, pe-  
perangan di negara Arab dan juga  
banjir yang melanda beberapa ne-  
geri baru-baru ini.

Musibah kehilangan ahli keluar-  
ga tersayang, kemusnahan harta  
benda, kemiskinan berpanjangan,  
menghidap penyakit kronik, kema-  
langan, kerugian dalam perniaga-  
an dan sebagainya adalah cukup  
pedih untuk dihadapi.

Jika hati seseorang itu goyah  
dan tidak rasional, musibah ini  
tidak akan dianggap sebagai cu-  
baan dan petunjuk yang dianuge-

raahkan Allah SWT sebagai sumber  
meneguhkan keimanan dan kekuat-  
an diri.

Kehidupan pada masa sukar se-  
begini dianggap tidak bermakna.  
Jiwa tidak tenteram dan perasaan  
menjadi kusut apabila kesenangan  
dan kebahagiaan yang dinikmati  
sebelum ini hilang sekelip mata.

Ada antara kita menganggap Tu-  
han tidak adil kerana menurunkan  
musibah demi musibah, umpama  
'sudah jatuh ditimpa tangga'. Ha-  
sutan syaitan akan menyemarak-  
kan lagi rasa putus asa, sedih dan  
marah.

Sebenarnya jika sifat sabar di-  
pupuk sebaiknya dalam diri, se-  
seorang itu akan terus diberi pe-  
tunjuk oleh Allah SWT dalam  
menghadapi cabaran kehidupan di  
dunia yang fana ini.

Firman Allah SWT bermaksud:  
*"Sesiapa yang diberi petunjuk oleh  
Allah maka dialah beroleh petun-  
juk, dan sesiapa disesatkan oleh  
Allah, maka merekalah orang yang*

*rugi* (Surah al-A'raf ayat 178).

Bagi orang bersabar, dia akan  
reda dan tabah menerima segala  
ketentuan Allah SWT. Bahkan sifat  
tawakal atau berserah dan bersyukur  
akan tumbuh subur di dalam  
sanubari di samping percaya se-  
suatu yang berlaku mempunyai

## PETIKAN AL-QURAN

**“**Wahai orang yang  
beriman! Bersabarlah  
kamu dan kuatkan  
kesabaran serta  
kuatkan pertahanan  
dan bertakwalah  
kepada Allah  
semoga kamu  
beroleh kejayaan”

**Surah Ali-Imran**  
Ayat 200

hikmah di sebaliknya.

Insan seperti ini sedar Allah  
SWT menunjukkan contoh kesa-  
baran rasul bergelar 'ulul azmi'  
yang menerima pelbagai cabaran  
hebat dalam menyebarkan dakwah  
Islamiyah pada zaman mereka.

Sifat sabar dapat membentuk ke-  
peribadian seseorang supaya sen-  
tiasa tenang. Ketenangan ini akan  
memandu dirinya bermuhasabah  
diri apakah ada salah dan silap  
yang pernah dilakukan dan bagai-  
mana untuk memperbaikinya.

Orang yang sabar dan tabah  
menghadapi ketentuan Tuhan dari  
perspektif adalah orang yang ter-  
pelihara kehidupannya di dunia  
dan di akhirat dan mendapat gan-  
jaran pahala berlipat kali ganda.  
Ini selaras dengan firman Allah  
SWT bermaksud: "...*sesungguhnya  
orang yang sabar saja akan di-  
sempurnakan pahala mereka de-  
ngan tidak terkira.*" (Surah al-Zu-  
mar, ayat 10).

Sebagai masyarakat prihatin ter-

hadap satu sama lain, adalah wajar  
kita membantu orang yang dilanda  
kesusahan. Bukannya menjauh-  
kan diri daripada mereka ini yang  
masih tercari-cari pedoman meng-  
hadapi saat sukar dalam hidup.

Sokongan masyarakat dari segi  
psikologi dan fisiologi sangat ter-  
kesan dalam membentuk sifat ke-  
sabaran dan ketakwaan dalam diri  
mereka yang dilanda musibah.

Semoga orang yang sentiasa ber-  
sabar menghadapi ujian akan di-  
kuatkan keimannya dan dibe-  
rikan ganjaran sebaiknya seperti  
firman Allah SWT bermaksud:  
*"Wahai orang yang beriman! Ber-  
sabarlah kamu dan kuatkan ke-  
sabaran serta kuatkan pertahanan  
dan bertakwalah kepada Allah se-  
moga kamu beroleh kejayaan."* (Su-  
rah ali-Imran ayat 200).

Penulis berkhidmat di Fakulti  
Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM).